



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 06 Tahun 2016

**TAWARAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT
STAF PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN
PROFESIONAL SERTA KUMPULAN PELAKSANA TAHUN 2016**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk mempelawa staf pentadbiran Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Universiti Teknologi MARA yang sedang berkhidmat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

LATAR BELAKANG

2. Setiap skim perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Disahkan ke dalam perkhidmatan;
- ii. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 80% untuk tiga (3) tahun kebelakang;
- iii. Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan;
- iv. Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah;
- v. Telah menandatangani Surat Aku Janji;
- vi. Telah mengisytiharkan harta (termasuk setiap lima (5) tahun); dan

- vii. Telah memenuhi empat puluh dua (42) jam latihan untuk tempoh satu (1) tahun ke belakang.
3. Jawatan-jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti dalam Lampiran 1.

PELAKSANAAN

4. Tatacara permohonan adalah seperti yang berikut:
- i. Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui sistem e-Kenaikan Pangkat dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
 - ii. Permohonan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional hendaklah mengemukakan satu salinan Folio Peribadi yang lengkap (boleh dimuat turun melalui sistem e-Kenaikan Pangkat) kepada Bahagian Kemajuan Kerjaya sebelum tarikh tutup permohonan.
 - iii. Permohonan yang tidak lengkap dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
 - iv. Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
 - v. Hanya pemohon yang telah disenaraikan pilih akan dipanggil untuk sesi temu duga dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya. Keputusan penyenaraian pilih adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
 - vi. Penempatan bagi calon berjaya adalah tertakluk kepada Surat Kelulusan Perjawatan dan juga keputusan pihak pengurusan universiti. Pihak pengurusan universiti berhak menentukan penempatan bagi calon berjaya/simpanan mengikut keperluan, di mana ianya adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.

- vii. Tarikh tutup permohonan adalah pada 30 Mei 2016.
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan diproses)

TARIKH DIKELUARKAN

5. Pekeliling dikeluarkan pada 13 Mei 2016.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 13 Mei 2016.



AZIDA AZMI
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan
Semua Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(BGSU/06/2016)

Kumpulan Pengurusan dan Profesional:

Bil	Jawatan	Gred	Penempatan	Jumlah Kekosongan	Kategori Staf Yang Layak Mohon	Rujukan (Muka Surat)
1.	Pegawai Teknologi Maklumat	F54	Universiti Teknologi MARA Shah Alam	1	UiTM Seluruh Sistem	1
2.	Pegawai Hal Ehwal Islam	S48	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM Seluruh Sistem	2
3.	Pegawai Tadbir	N48	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM Seluruh Sistem	2
4.	Pengurus Asrama	N44	Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu	1	UiTM Seluruh Sistem	3

Kumpulan Pengurusan dan Profesional

1. i. Jawatan : **Pegawai Teknologi Maklumat**

ii. Gred Jawatan : F54

iii. Kekosongan : 1

iv. Syarat Kelayakan :

Pegawai Teknologi Maklumat Gred F52 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F54 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
- b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji F54

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM5,934.00	RM11,968.00	RM320.00

2. i Jawatan : **Pegawai Hal Ehwal Islam**

ii. Gred Jawatan : S48

iii. Kekosongan : 1

iv. Syarat Kelayakan :

Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S44 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S48 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
- b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji S48

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM4,914.00	RM10,552.00	RM270.00

3. i Jawatan : **Pegawai Tadbir**

ii. Gred Jawatan : N48

iii. Kekosongan : 1

iv. Syarat Kelayakan :

Pegawai Tadbir Gred N44 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N48 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
- b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji N48

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM4,915.00	RM10,554.00	270

4. i. Jawatan : **Pengurus Asrama**
ii. Gred Jawatan : N44
iii. Kekosongan : 1
iv. Syarat Kelayakan :

Pengurus Asrama Gred S41 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pengurus Asrama Gred N44 yang kosong apabila telah :

- a). disahkan dalam perkhidmatan;
- b). mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- c). diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : **Gred Gaji N44**

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM3,363.00	RM9,406.00	RM250.00

Kumpulan Pelaksana I:

Bil	Jawatan	Gred	Penempatan	Jumlah Kekosongan	Kategori Staf Yang Layak Mohon	Rujukan (Muka Surat)
1.	Penolong Pegawai Keselamatan	KP32	Universiti Teknologi MARA Selangor, Kampus Puncak Perdana	1	UiTM Seluruh sistem	4

Kumpulan Pelaksana I

1. i. Jawatan : **Penolong Pegawai Keselamatan**
ii. Gred Jawatan : KP32
iii. Kekosongan : 1
iv. Syarat Kelayakan :

Penolong Pegawai Tadbir Gred KP27 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred KP32 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
 - b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 - c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji KP32

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2,727.00	RM5,651.00	RM155.00